



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MySTEP)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan kepada individu yang berintegriti, komited, mempunyai semangat kerja berpasukan yang tinggi, berpengalaman, berkemahiran serta berminat dalam bidang perfileman untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

TARIKH BUKA IKLAN : 3 SEPTEMBER 2025

TARIKH TUTUP IKLAN : 12 SEPTEMBER 2025

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	KADAR UPAH	PENEMPATAN
1.	PEGAWAI TADBIR	N9	2	RM2,100.00	FINAS PETALING JAYA
2.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N5	3	RM1,900.00	
3.	PEMBANTU TADBIR	N1	2	RM1,700.00	

Kemudahan:

Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP, Caruman SOCSO. Personel MySTEP juga layak membuat tuntutan sekiranya dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat (Elaun makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing, Elaun Perjalanan Kenderaan)

Cara-cara memohon:

1. Sila hantar permohonan rasmi tuan / puan ke e-mel psm@finas.my.
2. Senarai dokumen yang perlu dimuat naik (*upload*) ke e-mel tersebut;
 - a) resume (termasuk gambar berukuran *passport*);
 - b) salinan sijil kelahiran;
 - c) salinan kad pengenalan (depan dan belakang) diimbas (*scan*) terlebih dahulu dan disimpan sebagai (.pdf atau .jpeg); dan
 - d) Salinan SPM/ STPM/ STAM/ Diploma/ Ijazah (dilampirkan bersama transkrip).

***Hanya calon yang layak akan disenarai pendek dan dipanggil untuk sesi temu duga**

Deskripsi tugas:**Pegawai Tadbir**

- a) Bertanggungjawab dalam memproses borang permohonan dana.
- b) Urus setia mesyuarat jawatankuasa berkaitan.
- c) Menyelia dan memantau pelaksanaan projek dari mula sehingga tutup projek.
- d) Bertanggungjawab dalam penyediaan bahan-bahan yang berkaitan termasuklah urusan penyediaan dokumen atau nota laporan.
- e) Melaksanakan tugas-tugas mengemaskini serta pengumpulan data yang diperlukan.
- f) Menerima arahan dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

Penolong Pegawai Tadbir

- a) Bertanggungjawab membantu dalam memproses borang permohonan dana.
- b) Membantu urus setia dalam pelaksanaan mesyuarat jawatankuasa.
- c) Membantu dalam memantau pelaksanaan projek dari mula sehingga selesai tutup projek.
- d) Menyediakan surat-surat tawaran dan penyediaan kontrak perjanjian.
- e) Membantu melaksanakan tugas-tugas mengemaskini serta pengumpulan data yang diperlukan.
- f) Menerima arahan dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

Pembantu Tadbir

- a) Menerima dan menyemak dokumen permohonan dana.
- b) Membantu urus setia dalam pelaksanaan mesyuarat jawatankuasa.
- c) Membantu penyediaan dokumen pembayaran projek.
- d) Membantu dalam memantau pelaksanaan projek dari mula sehingga selesai tutup projek.
- e) Membantu pengurusan fail dan dokumen.
- f) Melaksanakan kerja-kerja perkeranian.
- g) Menerima arahan dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

SYARAT PERMOHONAN

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
- c) Mempunyai kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf;
- d) Berkemahiran menggunakan perisian *Microsoft Office (Word, Powerpoint dan Excel)*;
- e) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik;
- f) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/ bankrap/ tiada rekod jenayah;
- g) Bersedia melaksanakan tugas luar kawasan dan fleksibel untuk bekerja diluar waktu pejabat mengikut keperluan program;
- h) Mempunyai keupayaan *multitasking* dan *multiskilling* dalam melaksanakan kerja; dan
- i) Mempunyai asas kemahiran grafik / rekabentuk untuk tujuan penyediaan bahan promosi dan dokumentasi.